

Transformasi diterima gambaran kemenangan BN
Utusan Online
07 Mac, 2012

KUALA LUMPUR 6 Mac - Penerimaan sebulat suara semua kaum di seluruh negara terhadap transformasi Barisan Nasional (BN) adalah gambaran paling tepat bahawa kerajaan diketuai oleh Datuk Seri Najib Tun Razak mampu menang pada Pilihan Raya Umum Ke-13.

Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak), Datuk Seri **Abdul Aziz Abdul Rahman** berkata, Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) sebanyak RM500 yang diberikan kerajaan secara sama rata misalnya, menunjukkan bahawa kerajaan tidak mencurigai ideologi, agama dan bangsa penerimanya.

Malah beliau turut berkeyakinan, menerusi bantuan itu pengundi di atas pagar atau yang tidak berpihak kepada BN sedikit sebanyak akan beranggapan bahawa kerajaan hari ini membela nasib mereka.

"Tidak boleh disangkal lagi, Perdana Menteri hari ini begitu mengutamakan rakyat dengan mewujudkan pelbagai jenis bantuan.

"Sambutan rakyat pelbagai kaum menerusi program-program seumpama itu memang luar biasa dan kerana itu saya melihat penyatuan kaum dan penerimaan mereka terhadap BN merupakan harapan untuk BN menang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, bekas Menteri Penerangan, Tan Sri **Zainuddin Maidin** berkata, orang bukan Melayu dilihat tidak bimbang atau takut dengan kedudukan mereka di negara ini kerana pendekatan seimbang yang dibawa kerajaan.

Katanya, sebagai rakyat, beliau juga dapat merasai bahawa dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan BN adalah jujur dan bukan untuk mana-mana individu sebaliknya demi kepentingan generasi masa depan negara.

"Apa yang penting, Perdana Menteri telah memulihkan keyakinan rakyat sebelum ini terhadap kepimpinan negara.

"Itulah kelebihan BN dan juga Perdana Menteri. Rakyat tidak perlu lagi berasa curiga terhadap kerajaan kerana apa yang dijanjikan dibuktikan berbanding pembangkang yang semakin hari semakin pincang," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0307&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_07.htm